

Kembara amal UPM di Vietnam, Kemboja

Prihatin dengan pembangunan masyarakat Islam di Vietnam dan Kemboja, seramai 20 ahli Kelab Pendidikan Sains Pertanian Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program khidmat masyarakat di kedua-dua negara itu.

Pengarah program, Mohd Suhairi Nus, berkata peserta yang turut diiringi pensyarah, Prof Madya Dr Hapsah Nawawi berangkat ke Vietnam dan Kemboja bagi menghulurkan sumbangan termasuk pakaian, kelengkapan beribadat, wang tunai dan barang keperluan diri.

Katanya, program yang julung kali diadakan itu dianjurkan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam negara berkenaan yang masih jauh ketinggalan dalam aspek pendidikan agama serta hidup serba kekurangan.

"Tiba di Ho Chi Minh, Vietnam, kami disambut wakil persatuan kebajikan dan pembangunan masyarakat sebelum melawat ke tempat menarik. Selepas dua hari berada di Vietnam, kami meneruskan perjalanan selama enam jam ke Kemboja menaiki bas ekspres dengan bayaran kira-kira RM30 seorang," katanya.

Sumbangan untuk masyarakat

Mohd Suhairi berkata, selain menyumbangkan kelengkapan beribadat ter-



Pelajar UPM bergambar bersama penduduk Kampung Svai Pakav.

masuk surah Yassin dan Tahlil, wang tunai, kipas dan pakaian, peserta mengajar masyarakat Islam di Kampung Svai Pakav cara menunaikan solat dan bersuci yang betul.

"Masyarakat Islam di Kemboja masih kurang ilmu pengetahuan kerana tiada pendidikan khusus mengenai agama. Program anjuran kami ini sekurang-kurangnya dapat memberi kesedaran kepada peserta dan kumpulan sasaran mengenai kepentingan

ilmu serta pendidikan untuk membangunkan negara dan bangsa.

"Peserta juga seharusnya mengambil iktibar dan lebih menghargai kemudahan dinikmati di tanah air termasuk peluang pendidikan yang baik dengan kemudahan mencukupi," katainya.

Delegasi UPM meninggalkan Kemboja dengan hati yang berat serta ingatan mendalam terhadap masyarakatnya yang pernah menderita di bawah kekejaman tentera Pol Pot.



Pelajar UPM bergambar kenangan bersama kanak-kanak Sekolah Agama AC-Cam International.

INFO

ANTARA TEMPAT DILAWATI DI KEMBOJA:

- ◎ Tempat kekejaman Pol Pot di Cheung Ek Killing Field (Cheung Ek Genocical Center).
- ◎ Toul Sleng Genocide Museum.
- ◎ Masjid Salahuddin Nurunnaim Mosque K.M 8, Kampung Svai Pakav.
- ◎ AC-CAM International School yang menempatkan kanak-kanak Islam.

ANTARA TEMPAT DILAWATI DI VIETNAM:

- ◎ Quan An Muslim Mosque.
- ◎ Terowong Cu Chi iaitu terowong bawah tanah yang dibina gerila Vietkong ketika perperangan dengan tentera Amerika pada 1968.